

# Kelab Pemadam UMS raih Anugerah Emas Kelab Pemadam IPT 2017

UB 13.4.2017 B5

KPUMS adalah sebuah kelab Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) di bawah naungan Prof Madya Dr Ismail Ali, yang meraih kemenangan itu pada Majlis Anugerah Kelab Pemadam IPTA, Konvensyen Kepimpinan Kelab Pemadam IPT Ke-2 Tahun 2017.

Anugerah disampaikan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed.

Konvensyen itu dihadiri oleh Abdul Haidy Abdul Hamid, Penasihat

KELAB Pemadam Universiti Malaysia (KPUMS) melakar kenangan manis dan julung kalinya apabila berjaya meraih Anugerah Emas Kelab Pemadam IPT yang diadakan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).



**KELAB KELAB** Pemadam UMS bergambar selepas majlis itu.



**PENYAMPAIAN** Anugerah Kelab Pemadam IPT oleh Nur Jazlan.



## PROGRAM 1,000 langkah Gaya Hidup Sihat, Mahasiswa Hidup Penuh Erti.

Kelab Pemadam UMS merangkap AJK Biro Pendidikan Pencegahan Dadah di IPT dan Kelab Pemadam, Presiden KPUMS Adryzam Menak dan juga Timbalan Presiden KPUMS Nuradirah Jamain.

Menurut Abdul Haidy, kejayaan itu membuktikan siswa dan siswi di UMS mampu membangunkan kemahiran mengurus organisasi dengan lebih ber-

fokus, berkualiti, proaktif serta mengutamakan elemen kreativiti dan inovasi dalam melaksanakan program atau aktiviti selari dengan objektif utama penubuhan sesebuah kelab yang diwakili mereka.


Kelab Pemadam UMS mula ditubuhkan pada tahun 2011 dan kini mencapai jumlah keahlian sera-

mai 80 orang.

Kelab itu akan diperluaskan lagi peranannya kelak di UMSKAL dan Fakulti Pertanian Lestari, Sandakan dalam usaha memperkasakan lagi program Pencegahan dan Budaya mahasiswa benci dadah di UMS serta bekerjasama erat dengan agensi-agensi penguatku-



**PESERTA** Konvensyen Kepimpinan Kelab Pemadam IPTA.



**UMS** meraih Anugerah Emas Kelab Pemadam IPT 2017. Dari kiri: Abdul Haidy, Adryzam dan Nuradirah.

sa seperti AADK, PDRM, DBKK, Pemadam Negeri Sabah, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan komuniti setempat di Sabah.

Kelab Pemadam UMS juga amat bertuah apabila penasihat kelab itu adalah antara penulis buku bertajuk Modul Kepimpinan Kelab Pemadam IPT yang dilancarkan semasa konvensyen berkenaan.

Sementara itu, Ismail berharap kejayaan itu menjadi satu suntikan motivasi yang tinggi bukan sahaja kepada ahli KPUMS tetapi juga kepada seluruh kelab dan persatuan siswa dan siswi di UMS agar berusaha memperkasakan nilai dan jati diri, dan fokus pada objektif dan peranan kelab masing-masing.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan mereka agar dan tidak mengabaikan pelajaran sepanjang pengajian di UMS.

Kelab Pemadam UMS juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan utama universiti khususnya Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah di atas sokongan berterusan beliau terhadap aktiviti dan program yang dilaksanakan oleh siswa dan siswi UMS.

Tidak dilupakan juga kepada semua pihak yang telah bersama-sama KPUMS menjayakan setiap program dan aktiviti yang dianjurkan sehingga kini. Mahasiswa Hidup Penuh Erti, Perangi Dadah Habis-Habisan.